



Ruj. Kami : ANM (S).266 JLD 4 (8)

Tarikh : 7 Ogos 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

### TINDAKAN UNTUK MENYELESAIKAN PEMBAYARAN BAGI PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GRN/FRN)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Semakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan mendapati bahawa Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan masih mempunyai Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (**GRN/ FRN**) yang belum selesai sehingga pembayaran kepada pembekal dan berstatus Akaun Belum Bayar (ABB).

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dipohon untuk membuat semakan status pembayaran bagi bekalan dan perkhidmatan yang terlibat. Sekiranya pembayaran masih belum dijelaskan, kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan inouis diterima daripada pembekal dan memproses Arahan Pembayaran sehingga nombor *Electronic Telegraphic Transfer (EFT)* dijana. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan boleh merujuk perkara Bilangan 2 (b) Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (FRN / GRN) di dalam Arahan Operasi JANMNS Bil. 1 Tahun 2021 - Senarai Semak Pemantauan Bulanan Operasi Pusat Tanggungjawab Pejabat Pemungut dan Pusat Pembayar Gaji bertarikh 22 Januari 2021.

4. Bersama-sama ini disertakan senarai Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) seperti di Lampiran A untuk diambil tindakan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan selanjutnya. Sekiranya pembayaran telah dilaksanakan atau terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi Mohd Roshidee Bin Salehudin di talian 06-768 6844.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROSNANI BINTI MOHAMAD@AHMAD C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan